

14 NOV 1998

APEC-BERITA-MAHATHIR/I

DR M: KEMUNCAK APEC FORUM TEPAT UNTUK BINCANG KRISIS MATAWANG

KUALA LUMPUR, 14 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Mahathir Mohamad berkata Sidang Kemuncak Apec merupakan forum yang bertepatan untuk membincangkan usaha mewujudkan rejim kewangan antarabangsa yang lebih teratur, yang boleh membendung spekulasi matawang secara keterlaluan.

Ia adalah forum yang betul kerana sebahagian daripada ekonomi Apec telah terjejas teruk oleh krisis matawang serantau sedangkan beberapa ekonomi lain telah mendapat keuntungan daripadanya, kata beliau.

Dalam satu wawancara khas dengan TV Bernama, Dr Mahathir berkata Malaysia akan mengambil peluang untuk membangkitkan isu krisis matawang pada setiap forum antarabangsa.

"Kita tidak boleh melepaskan walaupun satu forum antarabangsa dan membiarkannya berlalu tanpa kita membawa kepada perhatian mereka masalah yang timbul daripada spekulasi matawang."

Dr Mahathir berkata beliau akan membangkitkan perkara ini pada Sidang Kemuncak Apec tahun ini, yang dibuka di Kuala Lumpur pada hari Selasa, kerana ekonomi-ekonomi Apec merupakan punca sebahagian besar daripada aliran perdagangan dan pelaburan dunia.

Bagaimanapun, kata beliau, untuk mendapatkan pandangan yang seragam daripada negara-negara anggota mengenai perkara ini mungkin agak sukar.

"Saya menjangkakan masa yang lama mungkin tiga atau empat tahun sebelum mereka akan membuat satu keputusan," katanya apabila menyentuh tentang jangka masa bagi masyarakat antarabangsa untuk mencapai persetujuan berhubung rejim kewangan yang teratur.

"Ia adalah biasa dalam perbalahan antarabangsa seperti ini. Seseengah negara akan beruntung dan beberapa lagi akan kerugian. Jadi, untuk mendapatkan persetujuan memang sesuatu yang sukar. Jadi, sehingga mereka sendiri pula dilanda (masalah itu) dan saya pasti ini akan terjadi, mereka akan merasakan kesan buruk spekulasi matawang ini dan pada peringkat itu, saya fikir mereka akan lebih bersedia menerima pandangan kita," kata beliau.

Dr Mahathir berharap Sidang Kemuncak Apec boleh menumpukan kepada sebab yang sebenar krisis ini berlaku, iaitu ia disebabkan oleh perdagangan matawang walaupun ada pihak yang menyalahkan pemerintah negara yang tidak telus.

"Ada juga yang menyalahkan IMF (Tabung Kewangan Antarabangsa)," tambah beliau.

Ditanya sama ada terdapat sebarang kemajuan dalam soal integrasi ekonomi sejak sidang Apec yang lalu, beliau berkata tidak begitu banyak.

Kata Dr Mahathir beliau juga mengemukakan pandangan Malaysia pada sidang kemuncak yang lalu di Vancouver tetapi ia tidak diterima.

Tetapi sekarang ada antara negara lain yang merasakan bahawa apa yang diutarakan oleh Malaysia mempunyai asas, bahawa pasaran matawanglah yang menyebabkan masalah ini, katanya.

Menjawab soalan tentang liberalisasi yang tidak terbendung dan kesan-kesannya ke atas ekonomi Asia Timur, Perdana Menteri menyatakan bahawa beliau akan menimbulkan isu tersebut jika beliau mendapat peluang berbuat demikian.

Bagaimanapun, memandangkan beliau merupakan pengerusi sidang kemuncak tahun ini, beliau tidak mungkin dapat bercakap panjang mengenai perkara ini kerana beliau perlu memberi peluang kepada pemimpin-pemimpin lain untuk bercakap.

"Tetapi memangpun kita berasa kalau kita mengadakan dasar liberalisasi ini terlalu cepat sebelum kita bersedia, kita akan menghadapi masalah yang besar. Umpamanya, mereka hendak supaya modal boleh keluar masuk dengan mudah tanpa apa-apa sekatan. Pada masa dia masuk memang baiklah, dia membawa kekayaan tetapi apabila dia cabut modal dengan serentak seperti yang dilakukan baru-baru ini, maka negara yang berkenaan akan menghadapi masalah yang amat rumit, amat susah untuk diatasi."

Menyentuh tentang pendirian Malaysia yang begitu lantang bersuara dalam forum-forum antarabangsa, beliau berkata jika Malaysia memilih untuk berdiam diri, maka negara-negara lain akan terus menekan negara ini.

"Kalau kita tidak bersuara, maka mereka akan teruskan sahaja segala rancangan mereka tanpa mengambil kira nasib buruk yang menimpa negara-negara membangun. Kita akan bersuara. Kita tidak boleh tutup mulut kerana kalau kita berbuat demikian, akhirnya kita akan menjadi mangsa."

Dr Mahathir berkata negara-negara lain juga sependapat dengan Malaysia tetapi tangan mereka terikat, lebih-lebih lagi jika mereka menerima bantuan IMF.

"Kita bernasib baik kerana keadaan ekonomi kita begitu kukuh sejak mula sehingga kita tidak perlu mendapatkan bantuan IMF. Oleh kerana kita tidak terikat dengan IMF, maka kita lebih bebas bersuara."

Menyentuh tentang sebab Malaysia mendapat liputan akhbar yang buruk daripada media asing, Dr Mahathir berkata barangkali ini kerana kita (Malaysia) terlalu lantang bersuara.

"Kita suka berterus-terang. Mereka tidak biasa dikritik tetapi biasa mengkritik orang lain. Jadi, apabila mereka menerima teguran yang serupa mereka tidak dapat menerimanya, terutama seperti apa yang disuarakan dalam media.

"Jadi, mereka bersungguh-sungguh melakukannya kerana kita secara terbuka berpendapat bahawa media mereka salah. Dan sistem mereka adalah salah dan regim kewangan mereka juga salah. Mereka tidak suka diberitahu bahawa mereka salah. Mereka suka memberitahu orang lain bahawa orang lain yang salah."

Katanya media asing tidak adil dalam laporan mereka tentang negara ini kerana Malaysia bukan kesayangan mereka sebab terlalu lantang bersuara.

Ditanya tentang apakah signifikan kemasukan Russia dalam Apec, beliau berkata: "Rusia ialah sebuah negara yang besar. Ia adalah negara Pasifik dan Eropah."

Menyentuh tentang Skim Liberalisasi Awal Secara Sukarela Mengikut Sektor di bawah Apec di mana sembilan sektor keutamaan telah dikenal pasti bagi pengurangan tarif, beliau berkata adalah penting diingatkan bahawa skim ini adalah secara sukarela.

"Yang paling penting ialah ini adalah secara sukarela, awal dan sukarela. Dua perkataan ini sangat penting. Ia bermakna anda perlu membuat keputusan anda sendiri apabila anda telah bersedia. Jika anda tidak bersedia, anda boleh menunggu sehingga tiba masanya untuk anda perlu membuat keputusan. Tetapi untuk mengatakan bahawa ia liberalisasi awal sukarela, oleh itu anda mesti bersetuju sekarang, itu adalah salah. Anda boleh melakukannya mengikut rentak anda sendiri bergantung kepada keadaan di negara anda."

Ditanya tentang percubaan untuk mempolitikkan Apec, Dr Mahathir berkata ini adalah malang sekali kerana Apec merupakan soal kerjasama ekonomi.

"Penekannya adalah terhadap ekonomi, bukan politik," tegas beliau sambil menambah bahawa jika ekonomi-ekonomi Apec mahu berdebat mengenai politik, tidak akan ada isu ekonomi yang dapat diselesaikan.

"Kita mahu melupakan perkara-perkara mengenai politik. Ia boleh dibincangkan dalam forum lain. Tetapi, Apec ialah forum untuk kerjasama ekonomi."

Keselamatan, menurut beliau, juga tidak harus menjadi sebahagian daripada proses Apec.

Menjawab soalan tentang komen-komen beberapa pemimpin Apec mengenai pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim walaupun mesyuarat Apec bukan mengenai politik, Dr Mahathir berkata, "Saya tidak mahu berkata apa-apa kecuali ini adalah sesuatu yang boleh dibincangkan pada forum yang lain tetapi bukannya sidang Apec. Sidang Apec ialah mengenai hal ehwal ekonomi."

Apabila ditanya tentang hasrat Perdana Menteri Australia, John Howard untuk membangkitkan isu Anwar dalam mesyuarat dua halanya, Dr Mahathir berkata: "Kita tunggu dan lihat jika beliau membangkitkannya. Jika saya beritahu apa jawapan saya (sekarang), saya tidak lagi perlu berbincang dengan beliau."

Dalam jawapannya kepada soalan sama ada ini boleh ditakrifkan sebagai campur tangan dalam hal ehwal dalaman Malaysia, beliau berkata, "Sebenarnya, kita juga boleh membangkitkan isu mengenai (Pauline) Hanson, mengenai layanan terhadap Orang Asli (Aborigines) dan sebagainya. Tetapi, itu tidak akan membawa kita ke mana-mana."

Dr Mahathir melahirkan harapan agar sidang kemuncak Apec di Kuala Lumpur ini akan memberi peluang kepada pemimpin-pemimpin dan wartawan-wartawan luar negara melihat sendiri keadaan sebenar di negara ini.

Tetapi, katanya, sudah pasti ada yang akan mengadakan demonstrasi untuk menunjukkan bahawa terdapat kebenaran dalam laporan yang mereka buat tentang Malaysia.

-- BERNAMA

SHY KY OS